



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA : JBPM/SL/SH(S)/45-2022)

Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor di **Daerah Petaling dan Hulu Langat, Negeri Selangor Darul Ehsan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas, kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred dan kategori yang berkenaan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:-

Bil	Butir Sebutharga	Syarat Sebutharga	Maklumat Taklimat	Tarikh Iklan Dibuka	Tarikh Iklan Ditutup
1	JBPM/SL/SH(S)/45-2022 KERJA KERJA PENANAMAN SESALUR TELEKOMUNIKASI DAN MEMBUAT LURANG UNTUK RANGKAIAN TELEFON DAN INTERNET DI PEJABAT ZON HULU LANGAT KE BBP PANDAN INDAH DARI BBP JALAN PENCHALA KE PEJABAT ZON PETALING DAN MENYELENGGARA RANGKAIAN SEDIA ADA	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred G1 dalam kategori CE Pengkhususan CE31, serta mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).	Tarikh: 28.04.2022 (Khamis) Masa: 10.00 pagi SECARA DALAM TALIAN: https://meet.google.com/eyk-btor-xfo KEHADIRAN : WAJIB Hanya penama dalam sijil PKK, SPKK, atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kem. Kew. boleh menghadiri taklimat sebutharga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama.	Tarikh: 20.04.2022	Tarikh: 12.05.2022 (Khamis) Jam: 12.00 Tengahari

2. Urusetia akan menghantar dokumen sebutharga secara e-mel. Penyebutharga akan mengisi Borang Kehadiran Taklimat berserta emel melalui link yang akan diberikan semasa taklimat berlangsung. Dokumen sebutharga akan di emel kepada penyebutharga mulai **20 April 2022**.

3. Kontraktor hendaklah mempunyai Sijil Asal masih sah bagi **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor/Sijil Pendaftaran** dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, serta **Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera** dengan **PKK** (jika ada) dan **salinan fotostat** hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor.

4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat dan di pos ke alamat seperti berikut:

**Unit Pentadbiran Am, Aras 2,
Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor,
No.3, Persiaran Tebar Layar, Bukit Jelutong, Seksyen U8,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

5. Sebut harga yang dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender/ sebut harga **12.05.2022 (Khamis)** selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.

6. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di alamat www.bomba.gov.my

Tarikh : **20 April 2022**

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Jawatan : **NORAZAM BIN KHAMIS S.M.S., A.N.S**
Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Selangor Darul Ehsan

